AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

SUSULAN 1.1 JUTA PENGHISAP VAPE DALAM BAHAYA

Nyawa melayang jika terlebih dos!

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengawalan dan penguatkuasaan terhadap industri vape penting bagi membanteras salah guna dengan penjual vape berlesen sahaja yang patut menjual dan menasihatkan kaedah penggunaan sebenar.

Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, secara umumnya, vape mempunyai tujuan untuk mengurangkan ketagihan perokok tegar dari rokok tembakau ke vape dan beberapa kajian mendapati risikonya kurang berbahaya berbanding rokok tembakau.

DR Sharifa

Bagaimanapun, katanya, berikutan nikotinnya adalah racun dan berada di bawah Akta Racun 1952, hanya pengamal perubatan atau ahli farmasi berdaftar dibenarkan memberikan preskribsinya.

"Tujuan ini disalah guna oleh beberapa kedaan dan pengeluar haram di mana vape turut dijual kepada remaja dan wanita, maka jika mengandungi nikotin menyebabkan ketagihan nikotin turut berlaku.

"Kajian menunjukkan nikotin boleh menyebabkan masalah jantung, paru-paru dan risiko kanser kepada haiwan makmal," katanya ketika mengulas laporan Metro Ahad, semalam, yang melaporkan 1.1 juta penghisap vape dalam bahaya dan berdepan risiko paru-paru bocor angkara peranti elektronik itu.

LAPORAN Metro Ahad, semalam

Dr Sharifa berkata, dalam dos tinggi dan akut, ia boleh menyebabkan keracunan berlaku dan kematian seperti jika seseorang menggunakan dos terlalu tinggi atau meminum jus *e liquid* secara langsung.

"Sungguhpun jarang berlaku, ia pernah terjadi dan kanak-kanak terutamanya yang patut dihalang daripada menggunakan vape kerana boleh mengakibatkan kesan negatif kepada perkembangan otak.

"Bagaimanapun, jika dibanding dengan rokok tembakau (terutama rokok tembakau haram), rokok tembakau adalah lebih toksik dan berbahaya kepada penghisap terutama remaja," katanya.

Beliau berkata, kajian mendapati kanak-kanak sudah berjinak dengan rokok dari usia yang muda seawal 10 hingga 12 tahun terutama jika ahli keluarga mereka turut merokok.

"Di beberapa negara seperti New Zealand dan Amerika Syarikat, remaja sudah mula menggunakan vape dan penggunaan rokok mula menurun," katanya.

Beliau berkata, sungguhpun baik, tetapi remaja turut patut berhenti daripada menggunakan vape supaya ketagihan berkurang.

Menurutnya, mereka yang menggunakan rokok turut terdedah kepada kecederaan paru-paru teruk dalam tempoh seawal enam bulan ke setahun dan turut mengakibatkan kematian.

"Kebanyakan mereka yang mempunyai kecederaan paru-paru turut mempunyai sejarah perokok tegar dan tanpa kawalan yang baik, menggunakan vape tercemar, dos nikotin tidak dilabel yang tinggi malah membeli THC secara haram dan ini sangat merbahaya," katanya.

Risiko hidap pelbagai komplikasi penyakit

Kuala Lumpur: Laporan *Systematic Review* yang dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2021 menunjukkan terdapat banyak kesan sampingan kepada kesihatan akibat proses pemanasan dan penyedutan cecair atau gel rokok elektronik ke dalam paru-paru manusia.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Noor Hisham Abdullah berkata, pengguna rokok elektronik atau vape berisiko menghidap pelbagai komplikasi penyakit.

Menurutnya, kesan pemanasan ini bukan saja disebabkan oleh nikotin malahan juga disebabkan oleh bahan kimia lain seperti *Propylene Glycol* (PG), *Vegetable Glycerin* (VG) dan bahan perisa.

"Hasil dapatan daripada penyelidik tempatan iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 2020 juga mendapati cecair rokok elektronik yang dijual di pasaran Malaysia akan menghasilkan sebatian lain apabila dicampurkan.

"Ia juga akan menghasilkan bahan-bahan merbahaya dipanggil *toxic intermediates* dikenali sebagai *Volatile Organic Compound* (VOC) yang terbukti boleh memberikan kesan sampingan kepada kesihatan terutama kepada paru-paru manusia.

"Kerosakan atau kecederaan paru-paru ini dikenali sebagai *E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury* (Evali)," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas laporan Metro Ahad mengenai 1.1 juta penghisap vape dalam bahaya dan berdepan paru-paru bocor angkara peranti elektronik itu.

Dr Noor Hisham berkata, selain daripada penyakit Evali, komplikasi penyakit yang lain seperti jangkitan kuman, *pneumothorax* atau paru-paru bocor turut dikaitkan dengan penggunaan rokok elektronik.

"Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan jumlah pengguna rokok elektronik atau vape di Malaysia iaitu kira-kira 1.1 juta pengguna.

"Justeru, penyakit Evali dalam kalangan pesakit yang menghisap rokok elektronik perlu dipantau dengan lebih rapi," katanya.

Beliau berkata, walaupun majoriti kes Evali di USA didapati berkaitan dengan penggunaan cecair rokok elektronik yang mengandungi produk ganja (THC) dan vitamin E asetat namun pengguna masih berisiko mendapat Evali walaupun tidak menggunakan bahan-bahan itu.

"Di negara kita, terdapat dua kes direkodkan pada 2019, manakala lapan kes pada 2021 selepas dikenal pasti melalui kajian yang dijalankan oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

"Jumlah kes Evali dijangka meningkat apabila lebih ramai pengamal perubatan mula didedahkan dengan bahaya penggunaan rokok elektronik ini," katanya.

Katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah mengeluarkan garis panduan klinikal atau *Clinical Practice Guideline* (CPG) *Management of E-Cigarette and Vaping Product Use-Associated Lung Injury* untuk membantu pengamal perubatan dalam diagnosis dan rawatan penyakit Evali.

"Selain itu, pengamal perubatan juga perlu membuat notifikasi penyakit Evali kepada KKM," katanya.

NOOR Hisham

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 21-23
RUANGAN : NEGARA!

Gaya FOKUS

NYAMUK Aedes pembawa sangat berkesan, telurnya juga tahan kekeringan yang lama.

Nyamuk Aedes tahan lasak, kadar survival tinggi

Oleh HALINA MD. NOOR
gayautusan@mediamulia.com.my

SIFAT nyamuk Aedes yang membawa penyakit denggi sangat bijak dan tahan lasak menyebabkan penularan virus denggi sukar di kawal.

Lebih memburukkan keadaan adalah sikap orang ramai yang sambil lewa dalam menangani penularan penyakit ini seperti tidak menjaga kebersihan alam sekitar sehingga menggalakkan lagi pembiakan nyamuk ini.

Ini termasuk pengurusan sampah-sarap yang tidak teratur, penyelengaraan dan rekabentuk bangunan yang tidak praktikal, menyebabkan air mudah bertakung dan menggalakkan pembiakan nyamuk aedes.

Pengarah Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (IRDI), Prof. Datuk Dr. Lokman Hakim Sulaiman, berkata dinamik penularan denggi sangat kompleks menyebabkan ia sukar dikawal.

"Terdapat empat elemen yang saling berkait dalam penularan denggi yang sukar dikawal iaitu nyamuk Aedes, perumahan yang dijangkiti, virus denggi dan ekosistem manusia serta nyamuk Aedes tersebut.

LOKMAN HAKIM SULAIMAN

"Nyamuk Aedes adalah pembawa yang sangat berkesan atau *super-efisien*. Telurnya tahan kekeringan yang lama. Walaupun keadaan kering di musim kemarau, telurnya tidak musnah dan akan menetas apa bila hujan walaupun selepas berbulan kemudian," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

BERTELUR MERATA

Tambah beliau, nyamuk aedes juga tidak bertelur dalam satu bekas yang sama bagi memastikan kadar kelangsungan hidup atau survival yang tinggi.

Sebaliknya ia akan bertelur di merata tempat.

Nyamuk ini juga bijak kerana akan bertelur di tempat yang sukar dicapai. Ia tidak memerlukan air yang banyak untuk bertelur tetapi memadai dengan sesudu air seperti dalam rekahan bangunan, saluran hujan yang tersumbat atau kelopak pokok yang menakung air.

"Nyamuk aedes tertarik kepada darah manusia sahaja. Walaupun usaha dilaksanakan seperti menyembur racun serangga tetapi tiada bukti saintifik yang kukuh bahawa semburan racun serangga berkesan dalam mengawal denggi.

"Tiada ubat yang boleh membunuh virus denggi. Oleh itu perumah yang sedia dijangkiti akan secara berterusan menjadi punca jangkitan kepada orang ramai menerusi pembiakan nyamuk aedes," katanya.



NYAMUK aedes tertarik kepada darah manusia sahaja dan tiada ubat boleh membunuh virus denggi.

Bersambung di muka 22

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 21-23
RUANGAN : NEGARA!

Rekabentuk rumah jadi punca pembiakan nyamuk Aedes

PENGALAMAN dimasukkan ke wad 10 tahun lalu akibat dijangkiti denggi serentak dengan anak yang berusia 14 tahun, masih segar dalam ingatan Kamal Ariffin Kamarulzaman.

Ketika itu, Kamal Ariffin,56, berkata dia dan anaknya, Mohd. Nabil dan beberapa jiran menjadi mangsa denggi selepas wabak denggi menyerang kawasan perumahan mereka di Gombak.

"Saya dimasukkan ke dalam wad selama 10 hari di sebuah hospital swasta manakala anak juga berada di wad sama tetapi dia dibenarkan pulang selepas menjalani rawatan selama tujuh hari saja.

"Saya dimasukkan air drip sebanyak 40 botol sepanjang berada di dalam wad manakala anak pula menerima 20 botol air drip," katanya yang bekerja sebagai Eksekutif Perhubungan Perusahaan.

Katanya, akibat dijangkiti denggi, dia mengalami sakit pada bahagian sendi-sendi dan terasa menyucuk-nyucuk seperti terkena jarum. Sakit itu menyebabkan dia sakit kepala serta demam.

Tambahnya, apa yang membimbangkan setiap tahun ada saja kes denggi dikesan di kawasan kediamannya itu. Malah, berdasarkan Jabatan Kesihatan Gombak, perumahan didiaminya itu pernah mencatatkan rekod denggi paling tinggi di Malaysia.

KAMAL ARIFFIN

MASALAH rekabentuk bangunan menyebabkan nyamuk aedes mudah membiak di bahagian atas bumbung yang mempunyai tempat takungan air hujan. - GAMBAR HIASAN

"Masalah rekabentuk bangunan perumahan ini menyebabkan nyamuk aedes mudah membiak di bahagian atas bumbung yang mempunyai tempat takungan air hujan.

"Jadi, memang mudah nyamuk bertelur dan membiakkan jentik-jentik. Bagi mencegah dijangkiti denggi sekali lagi, saya pastikan persekitaran rumah bersih dan tiada takungan air," katanya yang bersyukur tidak mengalami jangkitan berulang setakat ini.

Katanya biarpun mengetahui punca pembiakan nyamuk aedes di situ, pihak pengurusan belum dapat membaikinya kerana kekangan peruntukan berikutan kos pembiakan yang agak tinggi.

SIKAP sambil lewa menangani penularan penyakit ini seperti tidak menjaga kebersihan alam sekitar sehingga menggalakkan lagi pembiakan aedes.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 21-23
RUANGAN : NEGARA!

Dari muka 21

Berdasarkan kenyataan dikeluarkan Kementerian Kesihatan pada minggu ke 42, berlaku peningkatan 137 kes atau 9.3 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Sejumlah 1,614 kes demam denggi dilaporkan berbanding 1,477 kes pada ME 41/22 dengan satu kematian akibat komplikasi dicatatkan.

Kumulatif kes demam denggi dilaporkan sehingga kini adalah 48,109 kes berbanding 21,308 kes bagi tempoh sama tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 26,801 kes atau 125.8 peratus.

Sebanyak 29 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 16 kematian bagi tempoh sama pada 2021 iaitu peningkatan sebanyak 13 kematian (81.3 peratus).

Sebanyak 51 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 53 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 30 lokaliti di Selangor, 11 lokaliti di Sabah, lapan lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya manakala satu lokaliti masing-masing di Kedah serta Melaka.

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak tujuh kes pada minggu ke-42 dengan tiga kes di Pulau Pinang, dua kes di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta satu kes dari Selangor dan Melaka.

Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 669 kes.

Bagi survelan zika, sebanyak 1,619 sampel darah dan 16 sampel urin telah disaring dan hasil kesemuanya adalah negatif.

> "...dinamik penularan denggi sangat kompleks menyebabkan ia sukar dikawal."

Keadaan hujan diselang seli dengan cuaca panas ketika ini merupakan keadaan kondusif untuk nyamuk Aedes membiak.

Orang ramai dinasihati memeriksa dan memusnahkan tempat berpotensi menjadi pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan di luar rumah sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu selain memastikan kawasan berhampiran kediaman seperti lorong belakang rumah, kawasan kebun tanaman, tanah lot kosong dan taman rekreasi bebas dari bekas-bekas berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes.



DEMONSTRASI mengenalpasti nyamuk aedes betina di gerai pameran pada program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) sempena sambutan Hari Denggi Asean dan Gotong-Royong Mega 1.0 Peringkat Kebangsaan 2022 di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Jalan Parameswara, Banda Hilir, Melaka baru-baru ini.

SEGERA dapatkan rawatan sekiranya mengalami gejala seperti demam tinggi, sakit anggota badan atau sendi.

Bahaya dijangkiti lebih daripada sekali

TIDAK ramai yang tahu sebenarnya manusia berhadapan bukan dengan satu penyakit denggi tetapi empat penyakit denggi yang berbeza dan sukar ditangani.

Dr. Lokman Hakim berkata, empat jenis virus yang boleh menyebabkan demam denggi adalah DEN 1, DEN 2, DEN 3 dan DEN 4.

Jangkitan oleh salah satu jenis virus akan memberikan imuniti terhadap virus jenis itu sahaja. Justeru, individu tinggal di kawasan jangkitan denggi, mereka boleh di jangkiti lebih dari sekali seumur hidupnya.

"Terdapat empat serotaip virus denggi yang menjangkiti manusia dan setiap satu adalah jangkitan yang berbeza secara serologi. Bererti, kita bukan berhadapan dengan satu penyakit denggi tetapi empat penyakit denggi.

"Jangkitan dengan satu serotaip denggi tidak melindungi kita (imun) dari tiga serotaip lain. Lebih kritikal, jangkitan kedua, ketiga dan keempat dengan serotaip yang berbeza berisiko mendapat jangkitan denggi serius seperti denggi berdarah," katanya.

Katanya lagi, kewujudan empat serotaip berkenaan menyebabkan kesukaran untuk pembangunan vaksin denggi buat masa ini seperti yang diwar-warkan sebelum ini.

Gejala demam denggi

Dirasai selepas lima hingga enam hari digigit nyamuk

- Demam panas
- Sakit kepala
- Sakit tulang belakang
- Sakit sendi-sendi
- Loya dan muntah-muntah
- Sakit biji mata
- Ruam
- Hilang selera makan yang sering disertai dengan sakit perut, muntah dan cirit-birit.

Denggi berdarah

- Mudah lebam
- Pendarahan di bawah kulit, pada hidung atau gusi
- Pendarahan di seluruh badan yang boleh membawa maut.
- Anda juga mungkin mengalami rasa yang tidak menyenangkan di dalam mulut, kehilangan selera makan yang sering disertai dengan sakit perut, muntah dan cirit-birit.

Namun katanya lagi, sudah terdapat vaksin denggi yang baru (keluaran Takeda) di mana data saintifik menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

"Bagi perumah manusia pula, tiada kaedah sesuai melindungi daripada digigit nyamuk aedes. Kelambu tidak sesuai digunakan kerana aedes mengigit hanya pada waktu seseorang itu aktif iaitu pada awal pagi dan petang.

"Justeru orang ramai perlu mengutamakan kebersihan persekitaran kediaman dan lokasi yang dikunjungi. Pastikan sampah diuruskan dengan baik dan tiada air yang bertakung sama ada di dalam atau luar rumah bagi mencegah pembiakan nyamuk aedes," katanya.

Selain itu, orang ramai digalakkan menggunakan pakaian yang menutup anggota badan serta menggunakan bahan repelan nyamuk bagi mencegah gigitan nyamuk aedes.

"Segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang gejala seperti demam tinggi, sakit anggota badan atau sendi, sakit kepala, sakit mata atau sakit pada bahagian perut," katanya.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Free health checks at Keluarga Malaysia event

KUANTAN: Visitors to the Keluarga Malaysia Aspirations Tour in Pahang did not miss the chance to get a free health check-up courtesy of the Pahang Health Department.

Civil servant Faez Nazhan Phang, 46, said it was a habit of his to have regular health check-ups and he took the opportunity to have one yesterday because he did not have to wait long for his turn.

"It is important for us to know our health status so that we can prevent diseases, just now my cholesterol reading was not so good," he said when met at the Sultan Ahmad Shah International Convention Centre (SASICC).

Another visitor, Nor Nazirah Harun, 32, said the last time she had a health check-up was about 10 years ago.

"I came with my husband who wants to look for a job at the career carnival then I stopped by to check my blood pressure and sugar levels."

Meanwhile, Pahang Health Department director Datuk Dr Nor Azimi Yunus said from Friday until noon yesterday, the department's booths at SASICC and the Darul Makmur Stadium had dealt with 3,000 visitors.

Of that number, about 1,000 visitors had their blood pressure, sugar and cholesterol levels checked in addition to having a dental check-up. - Bernama